

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.11.2014

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah produk diesel dan petrol akan dikenakan GST.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semasa pembentangan Bajet 2015, Kerajaan bersetuju supaya jualan runcit minyak petrol RON 95, diesel dan LPG diberikan pelepasan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Melalui langkah ini, pengguna dan kumpulan sasaran yang berkenaan

tidak perlu membayar GST bagi pembelian petrol RON95, diesel dan LPG.